



AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



PAKEJ BANTUAN PERLINDUNGAN EKONOMI & RAKYAT MALAYSIA (PERMAI) RM500 UNTUK PEMANDU E-HAILING

<http://permai2021.apad.gov.my>

permai.ehailing@apad.gov.my 03-26036600

KRITERIA KELAYAKAN

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Pemandu perlu berdaftar dengan mana-mana Operator E-Hailing yang sah
- iii. Pemandu memiliki Lesen Vokasional (PSV) yang masih sah dalam tempoh sahlaku dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
- iv. Kenderaan yang dipandu telah dilesenkan dengan Permit Kenderaan E-Hailing (EVP) di bawah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)
- v. Pemandu dengan pendapatan bulanan sekurang-kurangnya RM700 berdasarkan jumlah kutipan tambang bulan Oktober 2020, November 2020 atau Disember 2020 dan
- vi. Pemandu tidak menerima bantuan untuk pemandu teksi RM500 di bawah inisiatif sama



www.apad.gov.my



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/APADchannel)





AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



PAKEJ BANTUAN PERLINDUNGAN EKONOMI & RAKYAT MALAYSIA (PERMAI) RM500 UNTUK PEMANDU E-HAILING

SOALAN LAZIM

SOALAN 01

Saya adalah penerima bantuan PRIHATIN RM500 pada tahun 2020, adakah saya masih layak untuk kali ini ?

Ya, anda adalah LAYAK, selagi mana anda memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan.

SOALAN 02

Bagaimanakah cara memohon Bantuan PERMAI 2021 ini dan bagaimana cara bayaran dibuat?

Pemandu tidak perlu membuat sebarang permohonan. Operator E-Hailing (EHO) akan menyediakan senarai nama pemandu yang menepati kriteria kelayakan kepada APAD untuk proses saringan. Dana akan dimasukkan oleh Kerajaan kepada Operator E-Hailing (EHO) dan pembayaran kepada pemandu yang layak akan dibuat oleh Operator E-Hailing (EHO) kepada pemandu masing-masing



www.apad.gov.my



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/APADchannel)





AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



SOALAN 03

Sekiranya saya pemandu E-Hailing dan teksi, adakah saya akan menerima bantuan bagi kedua-dua kategori?

Tidak, pemandu hanya layak menerima salah satu kategori sahaja

SOALAN 04

Bilakah pemandu E-Hailing akan menerima bantuan ini?

Pembayaran kepada EHO akan dibuat **bermula 22 Februari 2021** untuk EHO membayar kepada pemandu. Pemandu e-hailing boleh menyemak status kelayakan dan menuntut bantuan EHO masing-masing mulai tarikh tersebut

SOALAN 05

Saya berdaftar dan memandu untuk dua syarikat E-Hailing, adakah saya akan mendapat dua kali bayaran bantuan?

Tidak, bantuan ini adalah secara one-off kepada setiap pemandu sahaja dan bukan mengikut jumlah EHO disertai mahupun jumlah EVP yang dimiliki



www.apad.gov.my



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/APADchannel)





AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



SOALAN 06

Saya pemandu E-Hailing secara sambilan (part-time). Adakah saya layak?

Pemandu sepenuh masa atau sambilan adalah layak sekiranya memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan.

SOALAN 07

Akaun E-Hailing saya digantung oleh Operator E-Hailing. Adakah saya layak memohon?

Anda dinasihatkan supaya segera mengemaskini status pergantungan akaun dengan Operator E-Hailing (EHO) bagi mengelakkan nama anda tercicir dari senarai penerima yang layak.



www.apad.gov.my



APAD.gov.my



APADchannel

